

ANTILERG-F EYE DROPS

Dexamethasone phosphate / neomycin sulphate (0.1% w/v / 0.35% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Antilerg-F
2. Bagaimana Antilerg-F berfungsi
3. Sebelum menggunakan Antilerg-F
4. Cara menggunakan Antilerg-F
5. Semasa menggunakan Antilerg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Antilerg-F
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Antilerg-F

Antilerg-F digunakan untuk rawatan keradangan dan kerengsaan pada mata di mana terdapat risiko jangkitan bakteria berlaku.

Doktor anda mungkin telah menetapkan Antilerg-F atas sebab lain. Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan tentang mengapa Antilerg-F diberikan kepada anda.

Bagaimana Antilerg-F berfungsi

Antilerg-F mengandungi bahan aktif, neomycin dan dexamethasone phosphate.

Neomycin adalah sejenis antibiotik yang berfungsi untuk merawat jangkitan bakteria.

Dexamethasone adalah kortikosteroid yang membantu melegakan keradangan dan kemerahan pada mata.

Sebelum menggunakan Antilerg-F

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Antilerg-F jika anda mempunyai:

- alahan kepada neomycin, dexamethasone phosphate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut). Hentikan penggunaan jika alahan berlaku.

- jangkitan virus atau kulat pada mata

- Sebelum menggunakan Antilerg-F

Anda perlu memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mengalami peningkatan tekanan dalam mata
- baharu sahaja menjalani pembedahan katarak dalam masa terdekat
- mempunyai penyakit yang menyebabkan penipisan lapisan bebola mata.

Mengandung dan menyusukan anak

- Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu sebelum menggunakan sebarang ubat.
- Doktor anda akan memutuskan sama ada Antilerg-F boleh diberikan atau tidak bergantung kepada faedah dan risiko kepada bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Antilerg-F

Ikuti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan berhati-hati.

Arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Tarik kelopak mata ke bawah dengan lembut. Untuk dos permulaan, titiskan 1 atau 2 titis ke dalam mata anda setiap jam pada waktu siang dan setiap 2 jam pada waktu malam.

Doktor anda mungkin mengurangkan dos kepada 1 titis setiap 4 jam apabila keadaan anda bertambah baik.

Untuk mengawal gejala, dos boleh dikurangkan lagi kepada 1 titis 3 atau 4 kali sehari.

Jangan gunakan lebih daripada dos yang ditetapkan kepada anda dan preskripsi tidak boleh diisi semula tanpa penilaian lanjut oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Guna ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Antilerg-F hanya untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor anda.

Penggunaan yang berpanjangan boleh menyebabkan masalah lain pada mata atau meningkatkan peluang terjadi jangkitan kedua pada mata.

Jika anda perlu menggunakan Antilerg-F selama lebih daripada 10 hari, doktor anda mungkin perlu memantau tekanan dalam mata anda.

- Jika terlupa menggunakan

Titiskan dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas. Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terguna dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan rasa tidak selesa atau keracunan. Anda mungkin memerlukan bantuan perubatan segera.

ANTILERG-F EYE DROPS

Dexamethasone phosphate / neomycin sulphate (0.1% w/v / 0.35% w/v)

Semasa menggunakan Antilerg-F

- Perkara yang perlu dilakukan

- Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Antilerg-F.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan atau kongsi Antilerg-F kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.
- Elakkan muncung tiub daripada bersentuhan dengan mata, kelopak mata, jari atau mana-mana permukaan lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Antilerg-F boleh mengganggu penglihatan anda buat sementara waktu. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadapnya sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang berbahaya.
- Bahan pengawet yang digunakan dalam Antilerg-F ialah benzalkonium klorida dan ia boleh menyebabkan kerengsaan mata. Jika kemerahan, kerengsaan, bengkak atau sakit berterusan atau keadaan menjadi lebih teruk anda perlu berjumpa doktor anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Antilerg-F boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kekeliruan mengenai kesan penggunaan ubat ini.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati mana-mana keadaan yang berikut dan mereka membimbangkan anda:

- glaukoma atau lain-lain kerosakan pada saraf mata
- pembentukan katarak dan luka lambat sembuh.
- potensi mendapat jangkitan baharu pada mata

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Antilerg-F

- Penyimpanan

- Jauhkan dari kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C, terlindung daripada cahaya.
- Jangan gunakan produk ini selepas tarikh luput atau jika tiub bocor atau jika penutup tiub pecah.
- Jangan gunakan Antilerg-F jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda diusik.
- Pastikan tertutup rapat apabila tidak digunakan.

- Pelupusan

- Jangan guna ubat ini 4 minggu selepas dibuka.
- Ubat tidak boleh dibuang melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna

Antilerg-F adalah larutan jernih, tidak berwarna atau sedikit kekuningan..
Setiap vial Antilerg-F mengandungi 8 ml.

- Bahan-bahan

Bahan aktif

- Dexamethasone Phosphate (0.1% w/v)
- Neomycin Sulphate (0.35% w/v)

Bahan Tidak Aktif:

- Sodium citrate dihydrate
- Hydroxyethylcellulose
- Benzalkonium bromide
- Polysorbate 80
- Sodium chloride
- Sodium hydroxide
- Water for injections.

- Nombor MAL:

MAL19950530AZ

Pengilang

Demo S.A. Pharmaceutical Industry,
21st km National Road Athens-
Lamia, 145 68 Greece.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.,
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 1/2 Mile Off Jalan Meru, 41050
Klang, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

13/02/2023

Nombor siri

NPRA(R4/1)180123/00009